

17/06/1997

Dr M yakin D8 terus kukuh

Mior Kamarul Shahid in Istanbul

ISTANBUL, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Kumpulan Lapan Negara-Negara Membangun (D8) yang dilancarkan penubuhannya di sini semalam, tidak akan hancur dan menjadi Disaster 8, selagi kedudukan politik dan ekonomi negara anggotanya stabil.

Mengulas kedudukan beberapa negara anggota D8 yang mengalami krisis politik, Perdana Menteri berkata, negara berkenaan tidak stabil kerana mereka tidak dapat mengamalkan demokrasi dengan berkesan.

"Mereka ditekan agar demokrasi mereka itu dibentuk supaya menjadi demokrasi liberal seperti di negara maju, sedangkan mereka baru saja mendapat pengalaman mengenai cara demokrasi.

"Negara maju mungkin tidak perlu kepada kerajaan pun, sedangkan negara membangun memerlukan kerajaan. Kalau mereka terlalu liberal hingga pilihan rakyat sendiri dapat dinafikan oleh agensi lain termasuk surat khabar, mereka tidak akan menjadi stabil," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Beirut, pagi ini.

D8 dianggotai Malaysia, Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Iran, Nigeria, Mesir dan Turki.

Sebelum ini, ada sesetengah diplomat meramalkan bahawa D8 akan menjadi Disaster 8 kerana percaya pertubuhan itu akan menjadi arena politik negara anggota.

Mereka juga mengaitkan kedudukan Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan yang menjadi penggerak kepada D8, yang akan melepaskan jawatannya minggu ini.

"Dulu di Malaysia pun kita dikatakan akan hancur akibat permusuhan di antara kaum. Mereka tidak pernah memberi galakan, sebaliknya semata-mata cuba memburuk-burukkan keadaan.

"Kalau kita baca surat khabar mengenai Turki, kita berpendapat keadaan di sini begitu buruk sekali, tetapi bila sampai di sini kita nampak biasa saja. Walaupun ada masalah politik, ia biasa saja," katanya.

Dr Mahathir yang masih bercuti berkata, bagi Turki, Presiden Suleyman Demirel sendiri memainkan peranan penting dalam D8.

"Presiden tidak terbabit dengan parti politik. Apa juga parti yang naik, D8 akan kekal. Demikian juga negara lain, mereka serius dalam D8," katanya.

Dr Mahathir berkata, kestabilan negara amat penting bagi memastikan D8 terus kekal.

"Untuk itu kita perlu beri peluang kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat selama edahnya, jangan separuh jalan diadakan mogok dan demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan. Ini menjadikan kerajaan tidak stabil dan pelabur tidak mahu melabur. Walaupun kerajaan itu tidak baik tetapi ia dipilih oleh rakyat, ia patut diberi peluang.

"Kita tidak patut memberi peluang kepada sekumpulan aktivis yang menggunakan emosi untuk mengganggu pentadbiran dan ekonomi dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kuasa besar juga tidak mahu memberi peluang kepada negara-negara kecil bangun dengan pesat. Mereka menggunakan pelbagai sekatan, cuba mengaitkan soal sosial dengan perdagangan. Ini adalah hegemoni bentuk baru. Walaupun mereka tidak mendirikan jajahan mereka, tetapi secara tidak langsung mereka menjajah.

Menurutnya, negara anggota serius dengan D8 kerana pendekatan yang dijuruskan boleh diterima dan dilaksanakan.

Walaupun Malaysia banyak menganggotai badan seperti ini, ia adalah peluang bagi negara menyertai badan antarabangsa khususnya di kalangan negara Islam yang semuanya menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). OIC lebih kepada soal politik sedangkan D8 menumpukan kepada soal ekonomi, perdagangan dan kerjasama pembangunan.

Bagaimanapun, beliau mengulangi bahawa Malaysia tidak mahu badan yang cuma menggunakan persidangan tetapi tidak memberi sebarang hasil.

"Dalam apa juga perkara, kita lebih mengutamakan kerja yang membangun dan pragmatik. Kita tidak mahu bercakap saja. Saya memperingati diri saya dan semua anggota D8," katanya ketika diminta mengulas ucapannya semalam supaya D8 dibubarkan jika ia tidak berkesan.

Mengenai peranan yang diberikan kepada Malaysia iaitu menjadi penyelaras kepada projek kewangan, penswastan dan perbankan, Dr Mahathir berkata negara anggota begitu berminat mengenai perbankan Islam dan sistem takaful.

Untuk itu, katanya, Malaysia sedia memberi maklumat, malah meminjamkan pegawai yang berpengalaman.

(END)